

Ahli kemaruk kuasa punca politik wang

BH - 09/07/2007

BATU PAHAT: Penggunaan wang untuk meraih sokongan, termasuk merebut tujuh tempat bagi mewakili Umno Bahagian ke perhimpunan agung parti, sukar dibendung jika masih ada ahli yang gagal berkhidmat untuk parti tetap berhasrat menjadi perwakilan.

Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Seri Nazri Aziz, mendakwa ramai cuba mengambil kesempatan untuk menunjukkan pengaruh pada saat akhir dengan harapan dipilih sebagai perwakilan.

Beliau berkata, golongan yang memiliki agenda peribadi itu berusaha menunjukkan mereka berpengaruh sedangkan mereka gagal memberi khidmat berkesan kepada parti.

"Saya percaya kalau orang yang tidak pernah berjasa kepada parti, terutama bahagian disertainya, dia tentu akan menggunakan wang. Saya yakin ini mesti akan berlaku.

"Saya nasihatkan mereka yang kemaruk hendak menyertai G7 (tujuh orang yang akan mewakili bahagian), tidak payah buat macam itu kerana yang penting kita memberi keutamaan kepada parti dan bukan kepentingan peribadi," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Batu Pahat, di Dewan Jubli Intan, di sini, semalam.